7.	Kawalan /Penyeliaan	<p>Semasa kerja-kerja yang dijalankan, bahan-bahan yang di tapak kerja, alat-alat perabut dan benda-benda perseorangan yang dimiliki oleh penghuni mestilah dikawal dari kerosakan disebabkan oleh api, cuaca, kecuaiian pekerja-pekerja atau lain-lain sebab. Apa-apa kerosakan yang terjadi kepada kerja-kerja yang dijalankan, bahan-bahan bangunan, perabut dan bahan-bahan perseorangan yang disebabkan oleh pekerja-pekerja kontraktor mestilah diperbaiki atau diganti oleh pihak kontraktor. Kontraktor-kontraktor adalah bertanggung-jawab ke atas kestabilan untuk kesemua kerja-kerja semasa ianya dijalankan dan sehingga kerja-kerja tersebut disahkan sebagai siap dengan memuaskan oleh Ketua Unit Pengurusan Harta Dan Fasiliti (KUPH), Institut Penilaian Negara atau Wakilnya.</p> <p>Kontraktor juga mestilah memastikan langkah-langkah keselamatan supaya tidak mudah di curi / hilang dari tapak kerja . Bahan kerja yang hilang sebelum disahkan oleh Pengarah atau wakilnya atau Pengawas kerja adalah menjadi tanggungjawab kontraktor untuk mengganti baru peralatan / bahan tersebut .</p>
8.	Kebersihan Tempat Kerja	<p>Setiap hari sebelum kontraktor menamatkan kerja-kerja hariannya tapak kerja mestilah bersih dari segala sampah, terbitan dan dari kerja-kerja kontraktor, bahan-bahan kerja, alat-alat kerja atau disebabkan/ dilakukan oleh pekerja kontraktor. Segala longkang dan `apron` mestilah disapu dan bersih dari simen, pasir, ketul-ketul batu atau habuk. Ketua Unit Pengurusan Harta Dan Fasiliti (KUPH) atau wakilnya berhak memanggil mana-mana kontraktor atau mana-mana kontraktor atau orang perseorangan untuk membersihkan kawasan-kawasan tapak yang tidak teratur atau dipenuhi dengan sampah sarap dan segala kos yang terbit dari kerja-kerja pembersihan tersebut akan dikenakan ke atas kontraktor asal.</p>
9.	Insuran	<p>Kontraktor adalah bertanggungjawab ke atas semuakemalangan kepada orang perseorangan, atau harta Pengarah Institut Penilaian Negara atau penghuni yang disebabkan oleh kecuaiian kontraktor semasa menjalankan kerja-kerja.</p> <p>Pihak Kontraktor adalah bertanggungjawab di atas apa-apa tanggungan ke atas Pengarah Institut Penilaian Negara di bawah para ini dan mesti mendapatkan perlindungan insurans terhadap apa-apa risiko dalam hal-hal ini. Dalam tempoh 7 hari dari hari pemberitahu tawaran kerja-kerja, pihak kontraktor mestilah menunjukkan bahawa ianya telah mendapatkan perlindungan insuran yang sah dan diterima oleh Pengarah Institut Penilaian Negara terhadap apa-apa tanggungan keatas kerosakan, pampasan denda atau penalti yang mana mungkin dituntut atau boleh di buat bayaran di bawah Ordinan Pampasan Pekerja (Workmen's Compensation Ordinance) atau lain-lain Ordinan. Polisi Insurans mestilah tamat setelah kontrak ini tamat dengan memuaskan.</p>

10.	Pendaftaran / Rekod Pekerja .	Kontraktor dikehendaki menyediakan rekod pendaftaran kerja. Pegawai Penguasa berhak memeriksa bila-bila masa rekod-rekod berkenaan. Pendaftaran pekerja hendaklah disediakan sebelum kerja-kerja dimulakan.
11.	Bon Pelaksanaan	Pihak kontraktor mestilah menyediakan bon pelaksanaan bernilai 5 % dari jumlah nilai kontrak yang mana wang ini akan dikembalikan 12 bulan selepas tamat kontrak iaitu selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan .
12.	Hak Pengarah Institut Penilaian Negara	Sekiranya kontraktor melakukan apa-apa pemecahan terhadap mana-mana ceraian atau perkara dalam kontrak ini atau gagal melaksanakan maksud kerja tersebut dengan munasabah atau gagal melaksanakan kerja tersebut sehingga ke taraf yang memuaskan Pengarah Institut Penilaian Negara, maka Pengarah Institut Penilaian Negara boleh memberikan kepada dirinya sendiri atau agen atau lain-lain kontraktor yang dilantik oleh Pengarah Institut Penilaian Negara dengan memberi notis tujuh (7) hari kepada kontraktor dan apa-apa keadaan yang tidak boleh digunakan Pengarah Institut Penilaian Negara berhak untuk menahan sepenuhnya atau sebahagiannya segala pembayaran atau caj yang sepatutnya kena dibuat kepada kontraktor.
13.	Tempoh Tanggungan Kecacatan .	Kontraktor dikenakan tempoh tanggungan kecacatan ke atas kerja-kerja dan bahan-bahan daripada kecacatan selama 12 bulan dari tarikh siap kerja dikeluarkan atau penyata kerja / "job sheet repair " .
14.	Masa Dalam Tanggungan	Di dalam masa tempoh tanggungan kecacatan-kecacatan apa-apa kerosakan dari segi kerja atau bahan-bahan yang dibekalkan mestilah dibaiki dalam tempoh 7 hari dari notis pertama. Selepas tempoh tersebut, Pengarah Institut Penilaian Negara atau wakilnya berhak untuk memanggil kontraktor yang lain dan segala perbelanjaan membaiki atau mengganti segala kecacatan akan dikenakan kepada kontraktor yang asal.
15.	Pencemaran Sekeliling	Pihak kontraktor tidak dibenarkan menggunakan bahan-bahan yang mengandungi racun atau yang boleh membuat pencemaran sekeliling dan kesihatan awam. Ketua Unit Pengurusan Harta dan Fasiliti dan wakilnya berhak mengambil contoh-contoh bahan-bahan yang digunakan untuk menjalankan kerja-kerja pengujian . Kontraktor mestilah bertanggungjawab sepenuhnya diatas segala tuntutan daripada tindakan penggunaan bahan beracun ini .
16.	Mengurangkan Kesukaran Kepada Orang Awam	Kontraktor mestilah menjalankan kerja-kerja dengan mengurangkan kesukaran, tidak menimbulkan apa-apa halangan kepada orang awam dan mestilah mengikut segala arahan-arahan yang diberikan oleh Pengawas Projek. Kontraktor mestilah mempamirkan tanda-tanda amaran di dan mengambil langkah-langkah keselamatan sebagaimana diperlukan oleh pihak-pihak yang berkuasa

17.	Kawasan Keselamatan Bagi Orang Awam	Jika terdapat mana-mana tapak kerja mengganggu kawasan-kawasan awam atau tempat berjalan kaki. Kontraktor mestilah menyediakan penutup keselamatan yang mencukupi serta lorong-lorong yang berpagar bagi mengasingkan tempat- tempat yang merbahaya untuk dilalui.
18.	Mengganti Dan Membaiki	Kontraktor mestilah menjalankan kerja-kerja tanpa merosakkan apa-apa bahagian-bahagian struktur bangunan. Struktur “Apron” dan sebelah bangunan, ‘pavement’ sebelah, kawasan berumput dan harta benda, jika didapati dilakukan, kontraktor mestilah mengganti dan memperbaiki dengan pembiayaannya sendiri.
19.	Penyudahan	<p>Semua kerosakan atau gangguan yang telah dilakukan oleh kontraktor semasa menjalankan kerja mestilah diperbaiki atau diganti supaya ianya menyerupai asal.</p> <p>Semua kekotoran yang dilakukan oleh kontraktor mestilah dibersihkan. Semua sampah-sampah dan perkakas, bahan-bahan dan alat-alat yang digunakan oleh kontraktor bagi menjalankan kerja mestilah dikeluarkan dari tapak kerja dan keseluruhan tapak mestilah di dalam keadaan bersih dan teratur seperti arahan Pengawas Projek.</p>
20.	Nilai Kerja	Kontraktor mestilah memberitahu / memaklumkan kepada pegawai kerja mengenai__ kerja-kerja penyelenggaraan samada untuk baikpulih kerosakan , kerja pencegahan kerosakan ( preventif maintenance ) atau sebarang kerja. Kontraktor mestilah menandakan dengan suatu tanda “SEGERA” atau “KESELAMATAN” didalam laporan yang dihantar kepada Pengarah Institut Penilaian Negara atau wakilnya bagi kerja- kerja yang perlu dilaksanakan dengan segera atau melibatkan keselamatan pengguna-pengguna sistem lif .
21.	Kontrak Berasingan	Tidak ada apa-apa dalam Perjanjian ini yang boleh menghalang atau menyekat Pengarah Institut Penilaian Negara dari memasuki satu kontrak berasingan, samada dengan atau tidak dengan Kontraktor pada bila-bila masa untuk maksud penggantian atau pengubahsuaian mana-mana sistem hawa dingin maka untuk itu caj perkhidmatan hendaklah dikurangkan kepada satu kadar yang dipersetujui atau satu kadar yang munasabah dengan diambil kira terhadap pengurangan kerja Kontraktor.
22.	Hak Pengarah Institut Penilaian Negara	Sekiranya Kontraktor melakukan apa-apa pemecahan terhadap mana-mana cerai dalam perjanjian ini atau gagal melaksanakan kerja-kerja tersebut dengan munasabah atau gagal melaksanakan kerja-kerja tersebut sehingga ke taraf yang memuaskan Pengarah Institut Penilaian Negara maka Pengarah Institut Penilaian Negara boleh memberikan kepada dirinya sendiri atau agennya atau lain- lain kontraktor yang dilantik oleh Pengarah Institut Penilaian Negara dengan memberi notis (7) tujuh hari kepada Kontraktor dan apa-apa keadaan yang tidak boleh digunakan, Pengarah Institut Penilaian Negara atau wakilnya berhak untuk menahan sepenuhnya atau sebahagiannya segala pembayaran atau caj yang sepatutnya kena dibuat kepada Kontraktor.

23.	Tanda Pengenalan Pekerja	Kontraktor mestilah melengkapkan pekerja-pekerja yang terlibat di dalam Perjanjian ini dengan pakaian seragam, kad pengenalan kerja atau apa-apa juga tanda pengenalan yang membolehkan pekerja-pekerja tersebut dikenali dengan mudah oleh Pengarah Institut Penilaian Negara atau Wakilnya. Pekerja-pekerja yang tidak memakai pakaian seragam atau nama pengenalan syarikat tidak dibenarkan sama sekali berada di Premis INSPEN.
24.	Larangan Mengambil & Memberi kerja	Kontraktor adalah <b>DILARANG KERAS</b> dari mengambil atau memberi kerja kepada mana-mana buruh atau pekerja yang ketika itu sedang bekerja dengan Pengarah Institut Penilaian Negara dalam apa juga keadaan dan masa sekalipun.
25.	Serahan Notis	Apa-apa juga notis yang diberi kepada kontraktor menurut perjanjian ini hendaklah diserahkan melalui pos berdaftar kepada alamat perniagaan kontraktor atau mana-mana alamat yang telah diberitahu dengan bertulis kepada Pengarah Institut Penilaian Negara. Sebarang pertukaran alamat kontraktor hendaklah diberitahu dengan bertulis kepada Pengarah Institut Penilaian Negara dalam tempoh masa tujuh (7) hari bermula dari tarikh pertukaran tersebut
26.	Kontraktor Bebas	Tidak ada mana-mana peruntukan di dalam perjanjian ini sebagai mengujudkan satu perhubungan majikan dengan pekerja atau prinsipal dengan agen dan adalah dipersetujui bahawa kedudukan kontraktor dan mana-mana pihak yang lain yang menjalankan mana-mana bahagian dari kerja-kerja tersebut di dalam perjanjian ini adalah sebagai kontraktor bebas
27.	Interpretasi	Dalam Perjanjian ini perkataan "Kerja-Kerja Tersebut" hendaklah bermaksud dan termasuk apa-apa pembaikan, penggantian, pengubahan, pembetulan, pemeriksaan dan apa-apa juga kerja yang berkaitan. Perkataan "Mestilah" bererti perlu, wajib atau menjadi suatu tanggungjawab untuk melaksanakan dengan baik tanpa sebarang alasan. Perkataan "penyata kerja" /"Job Sheet" atau "Job Sheet Repair" bererti helaian yang mengandungi maklumat sekurang-kurang butiran perkakasan, keadaan perkakasan, tindakan yang telah diambil dan cadangan tindakan. Helaian penyata kerja /"Job Sheet" ini mestilah ditandatangani balas oleh Pengarah Institut Penilaian Negara atau wakilnya sebagai perakuan atau pengesahan terhadap maklumat-maklumat yang dikemukakan.
28.	Tiada Pindaan	Kontraktor <b>TIDAK BOLEH</b> memindahkan apa-apa kepentingan atau bebanan yang diterima atau dipikul di dalam perjanjian ini kepada mana-mana pihak dan hendaklah tidak akan berbuat sedemikian dengan tidak mendapatkan keizinan daripada Pengarah Institut Penilaian Negara terlebih dahulu.
29.	Cukai Setem	Keseluruhan perbelanjaan yang terlibat dalam pengendalian perjanjian ini termasuk cukai setem hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.

30.	Masa Dan Tanggung jawab	Masa dan tanggungjawab adalah menjadi inti pati kepada Perjanjian ini.
31.	Penamatan Perjanjian	Perjanjian ini boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak dalam perjanjian ini dengan memberi notis bertulis satu (1) bulan. Kontrak ini akan tamat dalam tempoh dua (2) tahun ataupun telah mencapai had bumbung nilai kontrak ( <i>Ceiling Limit</i> ) ataupun mana-mana yang terlebih dahulu.
32.	Penamatan Tapak Kerja	Pengarah Institut Penilaian Negara berhak menamatkan perkhidmatan penyelenggaraan mana-mana tapak kerja di dalam kontrak ini jika difikirkan perlu dengan memberi notis bertulis satu (1) bulan dan potongan kepada pembayaran penyelenggaraan akan dibuat.
32.	Serahan Notis	Apa-apa juga notis yang diberi kepada kontraktor menurut perjanjian ini hendaklah diserahkan melalui pos berdaftar kepada alamat perniagaan kontraktor atau mana-mana alamat yang telah diberitahu dengan bertulis kepada Pengarah Institut Penilaian Negara. Sebarang pertukaran alamat kontraktor hendaklah diberitahu dengan bertulis kepada Pengarah Institut Penilaian Negara dalam tempoh masa tujuh (7) hari bermula dari tarikh pertukaran tersebut



---

# BAHAGIAN 8

# SKOP KERJA

---



# UNIT PENGURUSAN HARTA DAN FASILITI INSTITUT PENILAIAN NEGARA

## SKOP KERJA

### 1.0 SKOP KERJA PENYELENGGARAAN

Kerja-kerja penyelenggaraan mestilah dijalankan selaras dengan penentuan dan spesifikasi yang telah ditetapkan. Kerja penyelenggaraan yang akan dijalankan di bawah kontrak ini adalah seperti berikut:-

- 1.1 Menjalankan kerja penyelenggaraan secara berkala dan secara **(comprehensive)** ke atas semua peralatan **sistem lif** serta peralatan lain yang berkaitan di **Premis Institut Penilaian Negara** mengikut **Jadual Penyelenggaraan** yang perlu diselenggara **setiap bulan**.
- 1.2 Skop item/peralatan **yang tidak termasuk bagi kerja-kerja penggantian peralatan dan komponen secara (comprehensive)** adalah seperti jadual berikut :

Bil.	Item/ Peralatan/ Komponen
1.	Main Steel Ropes
2.	Governer Steel Ropes
3.	TYPE MX18 Elevator Machine
4.	Brake For MX 18 (KM710216G01) (Kabel brek dan break release lever dibawah tanggungan kontraktor secara comprehensive)
5.	V3F25S Drive Module
6.	LCECPU40 Module
7.	Braking Resistor Module
8.	Overspeed Governor
9.	Tirak Electric Hoist (Pendant Controller dan lain-lain aksesori berkaitan dibawah tanggungan kontraktor secara comprehensive)
10.	Wire Rope for Tirak Hoist
11.	Counterweight
12.	Lift Car Interior Decoration

- 1.3 Skop item/peralatan **yang tidak dinyatakan di Perenggan 1.2** adalah menjadi obligasi tanggungjawab pihak pembida berjaya/kontraktor untuk menggantikan peralatan-peralatan yang rosak sepanjang kontrak berkuatkuasa.
- 1.4 Kontraktor bertanggungjawab menguruskan penggantian kesemua alat ganti yang rosak atau tidak boleh digunakan dengan sebab **luntur haus** (*wear and tear*) sehingga lif tersebut dapat beroperasi semula dengan sempurna, baik dan lancar pada setiap masa.
- 1.5 Kontraktor juga bertanggungjawab menggantikan apa jua alat ganti yang dijangkakan akan rosak atau telah **mencapai had masanya** (life span) untuk melancarkan perjalanan lif.

- 1.6 Kerja-kerja meletakkan minyak pelincir, gris dan bahan-bahan habis guna adalah menjadi tanggungjawab kontraktor dibawah skop kerja penyelenggaraan secara komprehensif pada sistem mekanikal lif yang diselenggara.
- 1.7 Kerja-kerja pemotongan steel wire rope dan pelarasan semula sistem lif adalah menjadi tanggungjawab kontraktor dibawah skop kerja penyelenggaraan secara komprehensif pada sistem mekanikal lif yang diselenggara.
- 1.8 Kontraktor hendaklah memastikan setiap peralatan dan sistem lif **selamat untuk digunakan** kepada pengguna. Segala kecacatan, kecederaan atau kemalangan disebabkan kecuaiannya tingkahlaku pekerja atau peralatan yang dipasang adalah di bawah tanggungjawab kontraktor.
- 1.9 Kontraktor bertanggungjawab menyelamatkan pengguna lif yang terperangkap di dalam kereta lif tanpa mengira waktu dengan kadar segera iaitu **dalam tempoh 20 minit selepas menerima aduan / laporan** daripada wakil Pegawai Penguasa. Segala kerosakan semasa kejadian ini adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.
- 1.10 Kontraktor hendaklah mengambil tindakan segera mengganti alat ganti atau membaiki segala kerosakan atau kecacatan yang perlu dibaiki atau diganti ke atas sistem tersebut semasa pemeriksaan harian atau bulanan (**Routine Inspection & Service**) dijalankan.

## 2.0 SKOP KERJA PEMERIKSAAN

Kontraktor perlu **menerima segala tanggungjawab** dan **beban kerja** melalui kontrak kerja ini dan tanggungjawab yang dipertanggungjawabkan melalui Akta Kilang dan Jentera 1970 (Lif Penumpang dan Barang) kepada **tuan punya lif**. Kerja pemeriksaan yang akan dijalankan di bawah kontrak ini adalah seperti berikut:-

2.1 Kontraktor mestilah menyediakan **Jurutera Kompeten** untuk menjalankan **pemeriksaan Jadual Kedua (Second Schedule Inspection)** bersama dengan wakil Pegawai Penguasa **setiap tiga (3) bulan** sekali sepanjang tempoh kontrak ini berlangsung. Pemotongan bayaran **sebanyak 5%** daripada **kadar harga perkhidmatan penyelenggaraan bulanan** bagi setiap lif yang berkenaan jika kontraktor gagal untuk menjalankan pemeriksaan ini.

Segala laporan pemeriksaan ini hendaklah direkodkan dan dibukukan sebagai bukti pemeriksaan yang telah diperuntukan dalam **Peraturan-peraturan (Lif Elektrik Penumpang dan Barang-barang) Kilang dan Jentera 1970** di bawah **Perkara 31(6)** menyatakan bahawa satu laporan lengkap juga hendaklah di hantar kepada wakil Pegawai Penguasa setiap kali pemeriksaan yang dijalankan untuk memudahkan tindakan Jabatan ini bertindak dalam memenuhi keperluan akta tersebut.

2.2 Kontraktor dikehendaki menguruskan dan menjalankan pemeriksaan bersama pihak **Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)** dan wakil Pegawai Penguasa sekali untuk setiap limabelas (15) bulan bagi memperbaharui sijil kelayakan

„**Permit Mesin Angkat (PMA)**. Kontraktor juga hendaklah memasukkan **semua kos pemeriksaan** termasuk kos **Jurutera Bertauliah** dari **Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)** (jika ada) bagi tujuan pemeriksaan bersama.



Adalah menjadi **tanggungjawab kontraktor** untuk memastikan sijil kelayakan „Permit Mesin Angkat“ (PMA) ini sentiasa diperbaharui di mana **tanggungjawab pemilik lif telah diserahkan kepada kontraktor** melalui kontraktor kerja ini. Segala teguran dan kecacatan yang didapati semasa pemeriksaan hendaklah dikemukakan kepada wakil Pegawai Penguasa dalam tempoh **tujuh (7) hari** dari tarikh pemeriksaan supaya kelulusan dapat dikeluarkan sebelum tindakan dapat dijalankan.

2.3 Kontraktor dikehendaki **menyediakan pekerja terlatih dan jurutera berkelayakan** untuk menerima tanggungjawab memeriksa, memelihara, menguji semua peralatan untuk setiap lif dan sistem yang dipasang di dalam keadaan sentiasa baik dan selamat digunapakai kepada orang ramai dan penumpang.

Kontraktor juga mestilah bersetuju dan menerima tanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan dan tanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan dan penyelenggaraan lif selaras **Peraturan-peraturan (Lif Elektrik Penumpang dan Barang-barang) Kilang dan Jentera 1970** di bawah **Perkara 31 (Menyelenggara Lif)** dan **Perkara 34** di dalam akta tersebut.

### **3.0 FIRMA LIF YANG DIKTIRAF OLEH JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP)**

3.1 Kontraktor dikehendaki untuk mengemukakan **surat kelulusan pembaharuan pendaftaran sebagai firma lif yang diiktiraf** bagi memasang, menyelenggara dan memeriksa lif elektrik penumpang/barang dan escalator oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

3.2 Kelulusan pembaharuan pendaftaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

i) Orang Kompeten Lif yang akan bertanggungjawab ke atas kerja-kerja memasang, menyelenggara dan memeriksa lif hendaklah digaji oleh kontraktor. Kontraktor juga dikehendaki menambah bilangan orang kompeten mengikut pertambahan jumlah beban kerja. Sekiranya orang kompeten yang sedia ada telah meninggalkan syarikat, pihak kontraktor dikehendaki memberitahu pihak JKKP dengan menamakan calon pengganti. Calon pengganti tersebut akan melalui proses pendaftaran dan temuduga oleh pihak JKKP sebelum diiktiraf sebagai Orang Kompeten Lif.

ii) Kakitangan teknikal seperti jurutera, penyelia dan juruteknik yang berkelayakan dan berkebolehan hendaklah digajikan. Mereka hendaklah diberikan latihan yang sesuai dari masa ke semasa.

### **4.0 PENDAFTARAN SEBAGAI ORANG YANG KOMPETEN LIF**

4.1 Kontraktor dikehendaki untuk mengemukakan **surat kelulusan pembaharuan pendaftaran sebagai orang yang kompeten lif** yang diiktiraf oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) seperti yang disebut di Peraturan 31(2), Peraturan-peraturan (Lif Elektrik Penumpang dan Barang-barang) Kilang dan Jentera 1970.

4.2 Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

i) Orang Yang Kompeten tersebut hendaklah menjalankan tanggungjawab sebagai Orang Kompeten seperti yang disebut di Akta Kilang & Jentera 1967:-

- a) Menjadi wakil pemunya lif bagi menyediakan, menandatangani dan menghantar kepada Ketua Pemeriksa, Jadual Pertama seperti yang tersebut di dalam Peraturan 6(a), Peraturan-peraturan (Lif Elektrik Penumpang dan Barang-barang) Kilang dan Jentera 1970;
- b) Menjalankan tanggungjawab seperti yang tersebut di dalam Peraturan 30, Peraturan-peraturan (Lif Elektrik Penumpang dan Barang-barang) Kilang dan Jentera 1970;
- c) Menjalankan tanggungjawab seperti yang tersebut di dalam Peraturan 31(5), 31(6), 31(7) dan 31(8), Peraturan-peraturan (Lif Elektrik Penumpang dan Barang-barang) Kilang dan Jentera 1970;

## 5.0 BAIKPULIH KEROSAKAN DAN PENGGANTIAN ALAT GANTI

5.1 Kontraktor mestilah memantau dan memastikan semua lif berfungsi dengan baik dan lancar pada setiap masa. Oleh itu, kontraktor hendaklah sentiasa bersedia **membbaiki pulih segala kerosakan terhadap sistem lif tanpa sebarang kos tambahan** kecuali kerosakan yang disebabkan oleh perbuatan **musnahlaku (vandalism) atau kejadian luar jangka dan item/peralatan yang dinyatakan di Perenggan 1.2.**

5.2 Semua kos penggantian alat ganti item/peralatan yang tidak dinyatakan di Perenggan 1.2 adalah merupakan kerja-kerja penyelenggaraan "*Comprehensive Maintenance*" yang **telah diserap masuk ke dalam kos penyelenggaraan** yang dibayar secara bulanan dari kos keseluruhan (monthly maintenance cost).

5.3 Kontraktor hendaklah menyediakan sebutharga awalan bagi kerja yang tidak dicatatkan dalam **Jadual Kadar Harga** bagi kontrak ini sekiranya diarahkan oleh wakil Pegawai Penguasa bagi tujuan untuk mendapatkan **persetujuan dan kelulusan** sebelum memulakan kerja bagi kerosakan yang berlaku akibat kejadian **luar jangka dan musnahlaku.**

5.4 Semua kerja-kerja baikpulih/penggantian komponen/peralatan hendaklah dijamin untuk tempoh **satu (1) tahun** bermula dari tarikh siap kerja atau tempoh yang dicadangkan oleh pembuat (manufacturer). Semasa tempoh jaminan, kecacatan kerja perlu dibaiki segera tanpa sebarang kos tambahan.

## 6.0 PENGUJIAN LIF BOMBA (JIKA BERKENAAN)

6.1 Semua lif hendaklah diuji **enam (6) bulan sekali** semasa kerja-kerja pemeriksaan (servicing) dijalankan atau pada satu tarikh yang sesuai. Ujian terhadap lif bomba tersebut mestilah menggunakan sistem "**FIREMAN MODE**" dan diuji pada setiap tingkat hentian (lataran) supaya berkeadaan baik pada setiap masa. Tindakan pembaikan atau penggantian alat ganti hendaklah dijalankan jika terdapat mana-mana peralatan yang rosak atau hilang.

## 7.0 UJIAN BEBAN (RE-LOAD TEST)

7.1 Kontraktor hendaklah membuat penyelarasan semula **beban kereta lif (Contract Load)** sekurang-kurangnya **sekali dalam tempoh kontrak ini** berjalan selaras dengan beban semasa rekabentuk seperti arahan **Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)** - JKKP IS 127/682/6 Am (2/99) bertarikh 1hb. Oktober 1999 iaitu sekurang-kurangnya **satu (1) kali sepanjang kontrak ini berjalan**

7.2 Kontraktor hendaklah menyediakan semua peralatan, tenaga buruh dan segala keperluan untuk membuat penyelarasan ini. Kontraktor juga hendaklah memasukkan **semua kos ujian** termasuk kos **Jurutera Bertauliah** dari **Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)** (jika ada) bagi tujuan pemeriksaan bersama.

7.3 Ujian ini hendaklah disahkan oleh Jurutera Bertauliah dan semua rekod ujian hendaklah lengkap serta dikemukakan satu (1) salinan kepada wakil Pegawai Penguasa dalam tempoh **tujuh (7) hari** dari tarikh pemeriksaan untuk rujukan dimasa akan datang.

## 8.0 KERJA-KERJA PEMBERSIHAN

8.1 Kerja-kerja pembersihan hendaklah dibuat semasa dan selepas kerja-kerja senggara atau baikpulih dijalankan.

8.2 Segala **sampah sarap** dan **sisa buangan** hendaklah dibersihkan dan dibuang ke tempat pembuangan sampah yang telah ditetapkan oleh Pegawai Penguasa.

8.3 Tempat kerja seperti bilik motor lif, di atas kereta lif dan "lif pit" serta tempat-tempat berkaitan mestilah sentiasa bersih dan kering. Kontraktor perlu menyedut / mengeringkan air di kawasan tersebut sekiranya perlu dimana segala kos dan peralatan bagi kerja-kerja yang terlibat adalah dibawah tanggungan kontraktor.

8.4 Kontraktor juga perlu memastikan segala peralatan / aset yang telah rosak / tidak digunakan tidak berada / disimpan di dalam bilik motor lif tersebut.

***Nota:** Jabatan akan membuat pemotongan kepada tuntutan bayaran bulanan (monthly claim) sebanyak RM 200.00 sekiranya pembersihan sepenuhnya tidak dibuat atau maklumat yang salah dikemukakan atau tidak mengikut tatacara kerja yang betul.*

## 9.0 LAPORAN PROGRAM DAN KEMAJUAN KERJA

9.1 Kontraktor hendaklah mengemukakan cadangan sistem kerja kepada wakil Pegawai Penguasa bagi penyelarasan kerja-kerja servis atau baikpulih termasuk jadual pelaksanaan kerja, peralatan-peralatan kerja dan sebagainya.

9.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada wakil Pegawai Penguasa **Laporan Penuh Bergambar (Full Report)** yang mempunyai tarikh, mengenai kerja yang dilakukan, penggantian alatganti dan prestasi peralatan yang terdapat pada sistem lif dan eskelator serta peralatan berkaitan yang telah disahkan oleh penguasa/wakil yang ditugaskan sebelum proses pembayaran dapat dilakukan.

9.3 Kontraktor perlu mengemukakan laporan pemeriksaan bersama pihak **Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)** kepada wakil Pegawai Penguasa untuk tindakan selanjutnya.

## 10.0 PERWAKILAN KONTRAKTOR

10.1 Bagi maksud kesempurnaan dan kelicinan perjalanan kontrak, kontraktor hendaklah melantik seorang **Wakil Tetap** dan menyediakan **Talian Perhubungan Khas** supaya segala arahan dan aduan dapat disalurkan dengan mudah dan direkodkan.

10.2 Wakil tetap tersebut hendaklah sentiasa dapat dihubungi oleh wakil Pegawai Penguasa atau Bilik Gerakan Jabatan Pelaksanaan Projek & Penyelenggaraan Bangunan bagi kes-kes kecemasan pada bila-bila masa termasuk musim perayaan ataupun cuti umum untuk tindakan baikpulih dalam **tempoh 24 jam**.

10.3 Setiap panggilan kecemasan yang diterima hendaklah dimaklumkan kepada wakil Pegawai Penguasa sekurang-kurangnya melalui "**Sistem Pesanan Ringkas**" bagi tujuan rekod dan tindakan lanjut.

## **11.0 BURUH DAN PERALATAN KERJA**

11.1 Kontaktor hendaklah menyediakan pekerja-pekerja yang sesuai dengan **kepakaran yang tinggi sebagai seorang yang berkelayakan (kompeten)**, berpakaian seragam yang mempunyai tanda pengenalan seperti **Nama Pekerja** dan **Nama Syarikat** serta sentiasa mengutamakan keselamatan bagi kerja yang akan dijalankan.

11.2 Kontraktor perlu mengemukakan senarai perkerja yang terlibat dengan kerja-kerja penyelenggaraan atau baikpulih kepada Wakil Pegawai Penguasa bagi tujuan tapisan keselamatan. Senarai tersebut mestilah mengandungi **nama, nombor kad pengenalan / passport, nombor telefon** dan **jawatan**.

11.3 Kontraktor hendaklah menyediakan dan menggunakan peralatan kerja yang sesuai seperti **talipinggang keselamatan** dan **topi keselamatan** bagi menyempurnakan kerja-kerja pada ketinggian tertentu.

11.4 Kontaktor hendaklah juga menyediakan peralatan kerja yang sesuai semasa kecemasan.

11.5 Setiap petender yang berjaya **diwajibkan** membuat **tapisan keselamatan** untuk setiap pekerja yang terlibat. Penender yang berjaya dikehendaki mengemukakan senarai nama pekerja yang ditugaskan kepada Pegawai Penguasa atau wakilnya dalam tempoh dua (2) minggu selepas Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani. Petender adalah dianggap telah memasukkan segala kos yang terlibat dalam proses tapisan ini di dalam harga tawaran.

## **12.0 PERKHIDMATAN TUNGGUSEDIA (JIKA PERLU)**

12.1 Kontraktor diwajibkan untuk menyediakan **sekurang-kurangnya seorang (1) juruteknik** untuk **perkhidmatan tunggusedia** di Premis Institut Penilaian Negara **pada bila-bila masa yang diperlukan jika ada upacara rasmi yang melibatkan VVIP** bagi memastikan semua lif boleh digunakan dan berfungsi dengan baik.

12.2 Kontraktor juga hendaklah menyediakan **sekurang-kurangnya dua (2) orang juruteknik** untuk **kerja-kerja penyelenggaraan berkala pada setiap bulan** bagi memastikan semua lif dapat diselenggara dengan baik.

## **13.0 WAKTU BEKERJA**

13.1 Masa bekerja bagi kerja penyelenggaraan / baikpulih adalah bermula dari jam **7:30 pagi** sehingga **5:30 petang** bagi setiap hari Isnin – Jumaat. Walaubagaimanapun, waktu ini adalah tertakluk kepada jadual penggunaan dewan dan bilik mesyuarat atau sehingga tamat sesuatu acara/kursus di bangunan tersebut.

13.2 Kontraktor perlu mengemukakan permohonan bertulis kepada Ketua Unit Pengurusan Harta dan Fasilitas sekiranya ingin melaksanakan kerja penyelenggaraan / baikpulih **di luar waktu pejabat** dan kelulusan / kebenaran adalah tertakluk kepada Ketua Unit.

13.3 Kontraktor mestilah **sentiasa bersedia pada setiap masa** atau **bila-bila masa** walaupun diluar masa bekerja kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja di atas panggilan wakil Pegawai Penguasa dengan kadar segera untuk melaksanakan pemeriksaan atau baikpulih kerosakan terutama dalam masa kecemasan. Kontraktor **tidak dibenarkan membuat tuntutan lebih masa** walaupun kerja-kerja tersebut dijalankan diluar masa bekerja kontraktor.

13.4 Kontraktor hendaklah bersedia menerima panggilan kecemasan dengan menyediakan talian “**Hot Line**”, **aplikasi Whatsapp** dan mengambil tindakan serta merta di dalam tempoh **24 jam** termasuk **hari cuti umum** atau **kelepasan am** bagi menjalankan kerja-kerja kecemasan **tanpa melibatkan sebarang kos tambahan**.

#### **14.0 BAYARAN DENDA KELEWATAN (LAD) / GANTIRUGI DAN PELARASAN PEMBAYARAN AKIBAT KEROSAKAN PERALATAN**

14.1 Kontraktor akan dikenakan bayaran denda kelewatan **LAD (Liquidated and Ascertained Damage)** sebanyak **RM 150.00** sehari bagi setiap peralatan sistem dan peralatan berkaitan seperti berikut:-

14.1.1 Sistem/peralatan tidak berfungsi atau rosak secara berterusan yang melebihi tempoh 24 jam bermula dari waktu laporan aduan kerosakan rasmi kepada kontraktor.

14.1.2 Melebihi tempoh masa arahan kerja yang telah ditetapkan.

13.1.3 Tidak menjalankan kerja penyelenggaraan yang telah ditetapkan dalam jadual penyelenggaraan.

14.2 Kontraktor mestilah **bersedia akur untuk menerima arahan** untuk menjalankan tugas-tugas yang diarahkan untuk kerja-kerja baikpulih atau sebagainya daripada wakil pegawai Penguasa **pada bila-bila masa** atau **setiap masa** termasuk hari Ahad, Kelepasan Am dan Cuti-Cuti Umum yang lain.

14.3 Arahan atau pemberitahuan kerosakan melalui panggilan telefon hendaklah direkodkan dan dipertanggungjawabkan untuk **memberi maklum balas** terhadap segala perkembangan atau tindakan yang dijalankan terhadap aduan yang dilaporkan. Kontraktor hendaklah mengambil tindakan segera dalam tempoh masa berikut:

- i. Aduan kerosakan - **30 minit**
- ii. Aduan terperangkap (man trapped) - **20 minit**

14.4 Pengarah Institut Penilaian Negara atau wakilnya berhak memanggil kontraktor yang lain ke atas apa-apa kerja yang tidak disiapkan dan segala perbelanjaan bagi menjalankan kerja-kerja tersebut akan dikenakan kepada kontraktor asal selepas tamat tempoh notis pertama dalam masa **tujuh (7) hari**.

14.5 Pelarasan pemotongan pembayaran bulanan kepada pihak kontraktor bagi perkhidmatan penyelenggaraan lif akan dibuat jika kerosakan berterusan melebihi 30 hari dari tarikh pengesahan oleh pihak kontraktor bahawa kerosakan item-item yang dinyatakan di Perenggan 1.2 Skop Kerja yang menyebabkan lif tidak dapat berfungsi di atas kegagalan pihak Institut Penilaian Negara memperbaiki kerosakan item/peralatan di Perenggan 1.2 Skop Kerja.

14.6 Pelarasan pemotongan pembayaran bulanan kepada pihak kontraktor bagi perkhidmatan penyelenggaraan lif akan dibuat jika lif diarahkan ditutup oleh pihak berkuasa Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

## **15.0 PAPAN NOTIS KERJA/LIF ROSAK**

15.1 Kontraktor **mestilah membekal** dan **meletakkan suatu notis** yang bersesuaian untuk memberitahu orang ramai status kerja yang sedang dijalankan atau menunjukkan lif berkenaan tidak boleh digunakan. Notis atau kenyataan ini mestilah diletakkan sepanjang masa kerja sedang dijalankan.

15.2 Pembekalan Notis/Kenyataan ini dibuat menggunakan sekurang-kurangnya menggunakan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris serta mematuhi kehendak dan Keperluan **Akta Kilang Dan Jentera Malaysia 1970**.

## **16.0 AUDIT ASET / PERALATAN**

16.1 Penyebutharga yang berjaya dikehendaki untuk membuat audit terhadap sistem dan peralatan yang berkaitan dalam masa **satu (1) bulan dari tarikh arahan mula kerja**. Kerja pengauditan ini perlu dilakukan sebelum kerja penyelenggaraan dijalankan dan laporan audit perlu dihantar pada awal minggu pertama pada bulan kedua.

16.2 Walaubagaimanapun, kegagalan kontraktor untuk menyiapkan kerja audit pada bulan pertama akan menyebabkan tiada tuntutan yang layak dibuat bagi baki kerja audit yang dilaksanakan pada tempoh lebih sebulan. Sekiranya terdapat penipuan yang disengajakan berkenaan maklumat audit, tindakan pemotongan 100% keatas tuntutan kerja pengauditan akan dilaksanakan dan seterusnya surat amaran yang mana boleh menyebabkan tindakan penamatan terhadap kontrak ini dilaksanakan.

16.3 Kontraktor juga diwajibkan menghantar perancangan kerja/*method of statement* setelah kerja pengauditan selesai bagi menunjukkan minggu/bulan kerja penyelenggaraan akan dilaksanakan di sesuatu lokasi mengikut tahun semasa.

## **17.0 PENYEDIAAN LAPORAN BERTULIS PENYELENGGARAAN BULANAN**

17.1 Pihak kontraktor diwajibkan menyediakan laporan bulanan kerja-kerja penyelenggaraan. Isi kandungan laporan bulanan haruslah mengandungi perkara-perkara asas seperti berikut :

- a) Senarai identiti peralatan yang diselenggara serta lokasi.
- b) Keadaan item-item yang perlu diselenggara mengikut spesifikasi pada sebutharga ini.
- c) Gambar berwarna komponen-komponen sistem lif yang rosak dan perlu diperbaiki.

17.2 Pihak kontraktor diwajibkan menghantar Laporan Bertulis Penyelenggaraan Bulanan tidak lebih daripada 30 hari selepas tamat kitaran bulanan kerja-kerja penyelenggaraan. Denda lewat sebanyak RM100.00 sehari akan dikenakan bermula pada hari yang ke 31 sehingga pada hari pihak kontraktor menyerahkan Laporan Bertulis Penyelenggaraan Bulanan.

## **18.0 LAIN-LAIN ARAHAN**

18.1 Pegawai Penguasa atau wakilnya berhak untuk **mengeluarkan lain-lain arahan** yang sewajarnya ke arah untuk memastikan kerja-kerja dapat dilaksanakan oleh pihak kontraktor dengan baik dan sempurna.



---

## BAHAGIAN 9

# SPEKIFIKASI JADUAL PENYELENGGARAAN

---





## **SPESIFIKASI JADUAL PENYELENGGARAAN**

### **9.1 PENYELENGGARAAN BERKALA**

9.1.1 Penyelenggaraan berkala perlu dijalankan oleh kontraktor bagi memastikan kesemua peralatan sistem lif berada dalam keadaan yang baik dan dapat beroperasi tanpa gangguan. Kerja-kerja mestilah dijalankan selaras dengan penentuan dan spesifikasi yang telah ditetapkan

9.1.2 Pemeriksaan, perkhidmatan dan senggaraan perlu dilakukan pada beberapa peringkat iaitu:-

- (a) Penyelenggaraan bulanan
- (b) Penyelenggaraan 6 bulan sekali
- (c) Second schedule inspection (3 bulan sekali)

	<b>LIFT MAINTENANCE</b>	<b>Monthly</b>	<b>Every 6 Month</b>
1.	Check all bearing oils, oil rings, oil chains, Etc. All machines should be carefully checked for abnormal temperature rise.	√	
2.	Check all load wires of relay and contact, check their movement.	√	
3.	Clean traction machine, relay control panel, starting panel, selector governor, car top, car and landing panels, sill and pit. Pit must be dry.	√	
4.	Check movement of door switches, gate switched, all safety and emergency stop switches.	√	
5.	Check brake action and adjust if necessary.	√	
6.	Check indicator lamp and indicators.	√	
7.	Check indicator lights, buzzers and car lights.	√	
8.	Check levelling difference, brake slippage, acceleration deceleration and riding comfort.	√	
9.	Check movement of car control buttons, switches and etc.	√	
10.	Check operation of weighing devices.	√	
11.	Check the operation of all electrical safety.	√	

	<b>LIFT MAINTENANCE</b>	<b>Monthly</b>	<b>Every 6 Month</b>
12.	Check all landing door mechanism and safety devices operation of all landing doors.	√	
13.	Turn grease cups for speed governor, compensating traction and deflector pulleys.	√	
14.	Check and oil selectors.	√	
15.	Top up guide rail lubricators.	√	
16.	Clean wire ropes and oil if necessary.	√	
17.	Oil electric brake pins.	√	
18.	Oil all pins of door operators, door opening mechanisms and door levers.	√	
19.	Clean hoistways, beam and slow down cam outside cages rails and counterweight rails.	√	
20.	Clean, oil and adjust door closers and levers	√	
21.	Clean main sheaves, secondary sheaves and rope sheaves on car top and counterweight top.	√	
22.	Clean brake wheels.	√	
23.	Oil compensating rope tensioning pulleys.	√	
24.	Clean and oil door hangers, door rails interior of car door hanger, door connecting and chains.	√	
25.	Check door shoes and test all safety locks, circuit and switches.	√	
26.	Clean and oil car and counterweight guide shoes. Adjust if necessary.	√	
27.	Clean and oil interior of terminal limit switches and position switches.	√	
28.	Check oil and clean interior of door switches gate switches. Replace worm part if necessary.	√	
29.	Check flexible cables and movement of all doors panel and door operator.	√	
30.	Clean and oil interior of car control switches.	√	
31.	Clean and check push buttons of control panels.	√	
32.	Check the condition of commutator and brushes of rotor	√	
33.	Check and clean the sleeve and plunger of electromagnetic brakes.	√	

	<b>LIFT MAINTENANCE</b>	<b>Monthly</b>	<b>Every 6 Month</b>
34.	Check the operation of terminal limit switches and final limit.	√	
35.	Check and test the governor switches operation.	√	
36.	Clean and brush holders and commutator of the door motors.	√	
37.	Check the traction rope for broken wires, wear, elongation and even tension. Adjust if necessary.	√	
38.	Using electric blower, remove the dust inside traction and control panels.	√	
39.	Check and replace the indicators and push buttons.	√	
40.	Check and test the buttons and controller supply.	√	
41.	Check the compensating chains or ropes.	√	
42.	Check the oil the bearing of door motors.	√	
43.	Grease the secondary sheaves, car top sheave and counterweight top sheaves.	√	
44.	Check the wear of guide shoes of cars and counterweight	√	
45.	Clean the connection boxes of every floor, car cages. Tighten all screws and check condition of cables at conduit inlets and outlets.	√	
46.	Check the condition of worm gears and thrust bearing of the gear boxes.	√	
47.	Check the tightening screws of control panels, starting panel and relay panels.	√	
48.	Change fluorescent tube lighting / LED lighting.	√	
49.	To clean ventilation fan and lighting reflector.	√	
50.	To check on lighting, speakers and ventilation fan.	√	
51.	Remove the dust inside the landing indicator switches by using electric blower.	√	
52.	Test for fireman lift		√
53.	* Calibration Car Overloading Device		Once per contract

	<b>SECOND SCHEDULE INSPECTION</b>	<b>Every 3 month</b>
1.	Condition of safety gear	√
2.	Condition of governor	√
3.	Condition of landing door locking devices	√
4.	Conditions of ropes	√
5.	Condition of controller	√
6.	Condition of brake	√
7.	Condition of reduction gear; thrust bearing, main bearing, worm gear, spur wheel	√
8.	Condition of gear oil	√
9.	Condition of normal terminal stopping devices	√
10.	Condition of final terminal stopping devices	√
11.	Condition of wiring	√

## 9.2

### PENYELENGGARAAN BAIKPULIH

Penyelenggaraan baikpulih juga perlu dilaksanakan oleh kontraktor pada setiap kali berlaku kerosakan bagi memastikan kesemua peralatan sistem lif berada dalam keadaan yang baik. Kerja-kerja baikpulih yang terlibat di bawah kontrak ini adalah seperti berikut :-

- 9.2.1 Melalui laporan yang dikeluarkan oleh kontraktor selepas penyelenggaraan cegahan dilaksanakan, pegawai penguasa/wakil akan dimaklumkan berkenaan status terkini sistem lif serta peralatan yang berkaitan dengannya. Sekiranya terdapat keperluan bagi kerja-kerja membaiki, mengganti serta membaikpulih segala kerosakan yang terdapat pada peralatan tersebut, arahan kerja akan dikeluarkan oleh pegawai penguasa/wakil.
- 9.2.2 Kontraktor hendaklah membaiki segala kerosakan dan kecacatan ke atas kesemua peralatan yang terdapat pada sistem lif serta peralatan yang berkaitan ***apabila diarahkan oleh Pegawai Penguasa.***
- 9.2.3 Kontraktor hendaklah menyediakan sebutharga bagi kerja-kerja yang tiada dicatatkan dalam Jadual Kadar Harga bagi kontrak ini sekiranya diarahkan oleh pegawai penguasa bagi tujuan mendapatkan kelulusan kerja.
- 9.2.4 Segala sampah sarap atau sisa kerja hendaklah dibersihkan dan dibuang ketempat pembuangan sampah. Kegagalan pihak kontraktor membersihkan segala kekotoran boleh menyebabkan kos pembersihan yang dilaksanakan oleh pihak lain perlu ditanggung oleh pihak kontraktor.



---

# BAHAGIAN 10

## JADUAL KADAR HARGA ALATGANTI

---



## JADUAL KADAR HARGA ALAT GANTI

- 7.1 Kadar harga bagi alat ganti ini adalah termasuk membekal, menghantar, membuka, mengganti, memasang, mengujiterima dan mentauliah. Tiada kos tambahan yang boleh dituntut terutamanya membabitkan kos pengangkutan, tenaga buruh, tenaga pakar/kompeten, kelengkapan peralatan atau perkakasan tambahan dan sebagainya.
- 7.2 Sekiranya masih terdapat perkara (alat ganti atau kerja) atau yang lain- lain berkaitan dalam kerja tawaran sebutharga ini yang tiada di dalam jadual ini, penyebutharga hendaklah mengemukakan **tiga (3) sebutharga** (agreed rate) yang perlu dipersetujui dahulu oleh Pegawai Penguasa atau Wakil sebelum kerja dilaksanakan.
- 7.3 Semua urusan harga ini hendaklah di dalam **Mata Wang Ringgit Malaysia (RM)**. Tiada pertambahan caj boleh dipohon sekiranya kadar mata wang Ringgit Malaysia mengalami kemerosotan ataupun disebabkan oleh inflasi ataupun kadar faedah yang disebabkan oleh kelewatan proses pembayaran tuntutan kerja. Semua kos ini perlu diambil kira terlebih dahulu dalam penilaian harga tawaran kontrak dalam Borang Sebutharga. Semua kadar harga yang terdapat dalam jadual ini adalah **tanpa kenaan cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)**.

ITEM	KETERANGAN	UNIT	KADAR HARGA (RM)	JENAMA
1.	Main Steel Ropes	Meter		
2.	Governer Steel Ropes	Meter		
3.	TYPE MX18 Elevator Machine	Nos		
4.	Brake For MX 18 (KM710216G01) (Kabel brek dan break release lever dibawah tanggungan kontraktor secara comprehensive)	Nos		
5.	V3F25S Drive Module	Nos		
6.	LCECPU40 Module	Nos		
7.	Braking Resistor Module	Nos		
8.	Overspeed Governor	Nos		
9.	Tirak Electric Hoist (Pendant Controller dan lain-lain aksesori berkaitan dibawah tanggungan kontraktor secara comprehensive)	Nos		
10.	Wire Rope for Tirak Hoist	Meter		
11.	Counterweight	Nos		
12.	Lift Car Interior Decoration	Unit		

.....  
(Tandatangan Kontraktor)

Nama Penuh :.....

No.K.P :.....

Alamat :.....

.....

Tarikh :.....

.....  
Meterai Atau Cop Kontraktor

.....  
( Tandatangan Saksi)

Nama Penuh :.....

No. K.P :.....

Alamat :.....

.....

Tarikh :.....





---

# BAHAGIAN 11

## LAMPIRAN

---



**BORANG SEBUT HARGA KERJA**

Sebut Harga Bil : **JPPH : B2 BK (S) 175/855/26/2023**

PENGARAH  
INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)  
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA, PERSIARAN INSPEN  
43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN.

Tuan,

Sebut Harga untuk:

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN SECARA (*SEMI-COMPREHENSIVE*) LAPAN (8) BUAH LIF JENAMA KONE BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN DI INSTITUT PENILAIAN NEGARA, PERSIARAN INSPEN, 43000 KAJANG SELANGOR DARUL EHSAN**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga, Syarat-syarat Sebut Harga untuk Kerja, Spesifikasi Kerja dan Lukisan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia :

\_\_\_\_\_ (RM) \_\_\_\_\_

2. Saya bersetuju menyiapkan Kerja ini dalam masa \_\_\_\_\_ minggu dari tarikh mula kerja seperti yang ditetapkan dibawah perenggan 2 Borang Perjanjian Inden Kerja.

Bertarikh pada \_\_\_\_ haribulan \_\_\_\_\_ 2023

.....  
(TandatanganKontraktor)

.....  
(TandatanganSaksi)

NamaPenuh:.....

NamaPenuh:.....

No.K/P:.....

No. K/P:.....

Alamat .....

Alamat: .....

Atas sifat:.....


Cop

**KONE 3000S/X MiniSpace™ and  
KONE EcoDom® 3000/5000 Installation Instruction**



Introduction of control panel

The drive and control panels are pre-tested at the factory. The basic adjustments in the inverter module are preset.



- 1. Terminal block with switches
- 2. Cable trunking
- 3. LCECPUnc board
- 4. Brake resistors
- 5. Ground terminal
- 6. LCE230 board
- 7. LCEOPT board
- 8. LOBCB board
- 9. V3F16L drive module
- 10. LOB230 board
- 11. Transformer
- 12. LCEREC board
- 13. TSD module (if ordered)
- 14. LCERAL board
- 15. Maintenance telephone
- 16. LCEGTW board
- 17. LCECAN board
- 18. LCEADO module

TAMAT